



## PERATURAN-PERATURAN KEJOHANAN BALAPAN DAN PADANG MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH MANJUNG 2019

- 1.0 Nama Kejohanan : Kejohanan Balapan dan Padang MSS Daerah Manjung 2019  
2.0 Tarikh dan Masa :

Tarikh dan Hari	MASA	
	PAGI	PETANG
04.03.2019 (ISNIN)	Jam 0800	Jam 1730
05.03.2019 (SELASA)	Jam 0800	Jam 1730
06.03.2019 (RABU)	Jam 0800	Jam 1730
07.03.2019 (KHAMIS)	Jam 0800	Jam 1730

- 3.0 Lokasi : Stadium TLDM, Lumut

- 4.0 Undang-undang Kejohanan :

- 4.1 Kejohanan dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknik MSS Perak, peraturan am MSS Perak dan MSSM serta Undang-undang KOM/IAAF.

- 5.0 Jenis Kejohanan

- 5.1 Pertandingan secara individu dan berpasukan.

- 5.2 Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut :

### ACARA-ACARA SERTA UKURAN DAN TIMBANGAN ALAT PERTANDINGAN

BIL	ACARA	L 18	L 15	L 14	P 18	P 15	P 14
1	100 meter	X	X	X	X	X	X
2	200 meter	X	X	X	X	X	X
3	400 meter	X	X	X	X	X	X
4	800 meter	X	X	X	X	X	X
5	1500 meter	X	X	X	X	X	X
6	3000 meter (T)	X (T)			X (T)		
7	100 meter Lari Berpagar				X(0.762m)	X(0.762m)	X(0.762m)
8	110 meter Lari Berpagar	X(0.914m)	X(0.838m)	X(0.838m)			
9	200 meter Lari Berpagar		X(0.838m)	X(0.838m)		X(0.762m)	X(0.762m)
10	400 meter Lari Berpagar	X(0.838m)			X(0.762m)		
11	2000 m Lari Berhalangan	X(0.914m)	X(0.762m)		X (T) 0.762m		
12	Lompat Tinggi	X	X	X	X	X	X
13	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X
14	Lompat Kijang	X	X	X	X	X	X
15	Melontar Peluru	X (5.00 kg)	X (4.00 kg)	X (4.00 kg)	X (3.00 kg)	X (3.00 kg)	X (3.00 kg)
16	Melempar Cakera	X (1.5 kg)	X (1.00 kg)	X (1.00 kg)	X (1.00 kg)	X (1.00 kg)	X (1.00 kg)
17	Merejam Lembing	X(700 gm)	X(600 gm)	X(600 gm)	X(500 gm)	X(500 gm)	X(500 gm)
18	4 x 100 meter	X	X(T)		X	X(T)	
19	4 x 400 meter	X	X(T)		X	X(T)	
20	Oktatlon		X(T)				
21	Heptatlon					X(T)	



## 5.2.1 Acara Lari Berpagar

Acara	Bil. Pagar	Garisan Mula ke Pagar 1	Pagar ke pagar	Pagar akhir ke penamat
100 meter	10	13.00 meter	8.50 meter	10.50 meter
110 meter	10	13.72 meter	9.14 meter	14.02 meter
200 meter L15	5	16.00 meter	19.00 meter	13.00 meter
200 meter P15	5	16.00 meter	19.00 meter	13.00 meter
400 meter	10	45.00 meter	35.00 meter	40.00 meter

5.2.2 No. Acara 12 : Acara 2000 meter Berhalangan

5.2.2.1 : Lompatan Pagar : 18 kali

5.2.2.2 : Lompatan air : 5 kali

5.2.2.3 : Lompatan air ialah lompatan yang kedua dalam pusingan pertama dan kemudian lompatan yang keempat.

5.2.3 No. acara 13 : Acara 3000 meter Berhalangan

5.2.3.1 : Lompatan Pagar : 28 kali

5.2.3.2 : Lompatan air : 7 kali

5.2.3.3 : Permulaan dengan berlari 200 meter tanpa melepasi pagar dan menghabiskan 7 pusingan dengan melepasi 28 halangan dan 7 halangan lompatan air.

5.2.4 No acara 19 : Acara Lompat Kijang

5.2.4.1 : Jarak papan lonjakan adalah seperti berikut :

L 14 : 9 meter	P 14 : 7 meter
L 15 : 10 meter	P 15 : 8 meter
L 18 : 11/13 meter	P 18 : 8 meter

5.2.5 No acara 17 : Acara Lompat Tinggi

5.2.5.1 : Ketinggian minimum bagi acara ini adalah seperti berikut :

L 14 : 1.30 meter	P 14 : 1.10 meter
L 15 : 1.40 meter	P 15 : 1.15 meter
L 18 : 1.50 meter	P 18 : 1.18 meter

5.2.8 Acara Terbuka

Kategori	Lelaki	Perempuan
L 18 P 18	5000 meter (Terbuka kepada L 18, L 15 dan L 14)	3000 meter, ( Terbuka kepada P 18, P 15 dan P 14) (2000m lari berhalangan terbuka )
L 15 P 15	5000 meter Jalan Kaki, 4 x 100 meter, 4 x 400 meter, dan 2000 meter Lari Berhalangan (Terbuka kepada L 14 sahaja)	3000 meter Jalan Kaki, 4 x 100 meter, 4 x 400 meter (Terbuka kepada P 14 sahaja)

Semua acara terbuka diambil kira sebagai acara individu kecuali acara lari berganti-ganti. Acara lari berganti-ganti adalah acara berpasukan dan peserta didaftar L 14 dan P 14 layak mengambil bahagian lari berganti-ganti L 15 dan P 15 dalam acara 4 x 100 meter dan 4 x 400 meter.

5.2.9 : Penyertaan melebihi 15 orang : Lompat Jauh, Lompat Kijang, Melontar Peluru, Melempar Cakera dan



## Merejam Lembing

- 5.2.9.1 : Referi akan menentukan satu jarak kelayakan
- 5.2.9.2 : Dalam 3 percubaan awal, hanya jarak yang melepasi had kelayakan akan diukur dan direkodkan
- 5.2.9.3 : 8 peserta terbaik akan meneruskan percubaan lagi untuk menentukan pemenang.

## 6.0 Pendaftaran Peserta / Kemasukan / Yuran Penyertaan

- 6.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat **SEBELUM ATAU PADA 23 Februari 2019 (Sabtu)** melalui Borang Penyertaan dan diemailkan kepada Jawatankuasa Pengelola. ([ict.cikgu@gmail.com](mailto:ict.cikgu@gmail.com)). Butiran mengenai peserta hendaklah diisikan dengan penuh dan disahkan oleh Pengetua.
- 6.2 Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM 280.00 (Ringgit : Dua Ratus Lapan Puluh Sahaja)** bagi setiap sekolah. Pembayaran hendaklah diatas nama **Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Manjung**
- 6.3 Borang Pendaftaran boleh dimuat turun melalui portal [www.olahragamanjung.com](http://www.olahragamanjung.com)
- 6.4 Borang penyertaan yang telah lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan kepada :  
Pengerusi Pertandingan  
Kejohanan Balapan dan Padang MSS Daerah Manjung 2019  
d/a SMK Ambrose
- 6.5 Pendaftaran lewat dari tarikh diatas **TIDAK AKAN DITERIMA DAN DIBATALKAN.**
- 6.6 Satu mesyuarat undi lorong akan diadakan pada **27 Mac 2019 (Rabu)** di **SMK Ambrose**. Sebarang pertukaran atau penggantian atau perubahan acara peserta boleh dibuat pada tarikh tersebut.
- 6.7 Sebarang pertukaran atau perubahan selepas tarikh mesyuarat undi lorong **TIDAK AKAN DILAYAN.**
- 6.8 Bilangan maksimum penyertaan seseprang peserta adalah seperti berikut :

Kategori	Individu	Berpasukan
18 tahun dan ke bawah	3 (termasuk acara terbuka)	2
15 tahun dan ke bawah	3 (termasuk acara terbuka)	2
14 tahun dan ke bawah	3 (termasuk acara terbuka)	2

- 6.9 Pembahagian kategori :
  - 18 tahun : di bawah umur 18 tahun pada 01.01 tahun kejohanan (Pelajar Tingkatan 6 Atas **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian di bawah kategori bawah 18 tahun)
  - 15 tahun : di bawah umur 15 tahun pada 01.01 tahun kejohanan
  - 14 tahun : di bawah umur 14 tahun pada 01.01 tahun kejohanan.
- 6.10 Had umur peserta (mengikut Pekara. 4 Peraturan-peraturan Am MSSM)
  - 6.10.1 Kiraan umur adalah pada 01 Januari tahun pertandingan.
  - 6.10.2 Seseorang peserta dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan umur sahaja **KECUALI** dalam acara terbuka seperti dalam peraturan 5.2.8
- 6.11 Bilangan peserta yang boleh didaftarkan berdasarkan acara :



Acara	Bilangan Maksimum	Kategori
100 meter	2	Semua kategori
200 meter	2	Semua kategori
400 meter	2	Semua kategori
Acara-acara lain	2	Semua kategori
Lari Berganti-ganti	1 pasukan	L 18, L 15, P 18 dan P 15

## 7.0 Undian Lorong

- 7.1 Undian Lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pertandingan dengan bantuan Jawatankuasa Teknikal Balapan dan Padang Daerah Manjung di **SMK Ambrose**.

## 8.0 Acara Lari Berganti-ganti

- 8.1 Semua pelari acara lari berganti-ganti hendaklah didaftarkan dalam Borang penyertaan.
- 8.2 Senarai nama pelari hendaklah diserahkan kepada Ketua Penyelia Peserta satu (1) jam sebelum acara tersebut dimulakan dengan menggunakan borang masuk rasmi acara lari berganti-ganti.

## 9.0 Melapor Diri

- 9.1 Semua peserta hendaklah melapor diri kepada Ketua Penyelia Peserta sekurang-kurangnya 20 minit bagi acara balapan dan 30 minit bagi acara padang sebelum acara berkenaan dijalankan.
- 9.2 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dengan nombor masing-masing disematkan dengan pin pada keempat-empat sudut kain yang dipakai di bahagian dada dan belakang **KECUALI** acara lompat tinggi, peserta **DIBENARKAN** dengan satu nombor di dada atau di belakang.
- 9.3 Peserta-peserta yang melaporkan diri lewat daripada 10 minit sebelum acara dimulakan, tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dan dianggap telah menarik diri.

## 10.0 Pembatalan Penyertaan

- 10.1 Semua pembatalan penyertaan (scratching) dalam sesuatu acara hendaklah dibuat semasa Undian Lorong atau oleh Pengurus Pasukan / jurulatih masing-masing kepada Ketua Penyelia Peserta.

## 11.0 Gantian dan Penarikan Diri.

- 11.1 Gantian kepada peserta yang telah disahkan bertanding tidak akan dibenarkan bagi acara individu selepas Undian Lorong dibuat.
- 11.2 Penggantian bagi acara lari berganti-ganti dibenarkan kepada dua (2) orang peserta yang namanya telah didaftarkan dalam Borang Penyertaan. Peraturan ini juga melibatkan pusingan saringan hingga ke pusingan akhir.
- 11.3 Jika didapati seseorang peserta yang telah mendaftarkan diri tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acara, maka peserta tersebut dianggap menarik diri tanpa sebab. Oleh yang demikian peserta tersebut tidak dibenarkan menyertai lagi mana-mana acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 11.4 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acaranya selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal tanpa surat pengesahan doktor / pegawai perubatan adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.
- 11.5 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat doktor / pegawai perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam acara-acara yang didaftarkan atas namanya dengan syarat peserta tersebut mengemukakan surat pengesahan daripada doktor / pegawai perubatan kepada Pengurus Kejohanan.
- 11.6 Tidak ada gantian bagi peserta yang telah menarik diri.

## 12.0 Sistem pertandingan



- 12.1 Pertandingan bagi acara-acara balapan 100 meter hingga 800 meter termasuk acara lari berpagar akan diadakan di peringkat saringan, separuh akhir dan akhir.
- 12.2 Pertandingan bagi acara-acara 1500 meter ke atas akan diadakan peringkat akhir sahaja.
- 12.3 Penentuan peserta-peserta ke peringkat separuh akhir dan akhir adalah seperti berikut :
- 6 saringan dan ke atas – ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola
- 5 saringan - 3 peserta (pertama, kedua dan ketiga) dari setiap saringan dan 1 bagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari kelima-lima saringan layak ke peringkat separuh akhir.
- 4 separuh akhir - Peserta (pertama) dari setiap Separuh Akhir dan 4 lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari keempat-empat Separuh Akhir layak ke peringkat Akhir.
- 3 Separuh Akhir - 2 peserta (pertama dan kedua) dari setiap Separuh Akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari ketiga-tiga Separuh Akhir layak ke peringkat Akhir.
- 2 Separuh Akhir - Tiga (3) peserta (pertama, kedua dan ketiga) dari setiap Separuh Akhir dan dua (2) peserta yang mencatatkan masa terbaik dari kedua-dua Separuh Akhir layak ke peringkat Akhir.

### 13.0 Gelanggang dan Alatan

- 13.1 Seperti undang-undang MSSM / KOM
- 13.2 Spesifikasi peralatan yang digunakan adalah seperti tersebut dalam peraturan 5.
- 13.3 Blok permulaan (starting block) : Penggunaan adalah diwajibkan bagi semua kategori dalam acara-acara jarak 100 meter hingga 400 meter, semua acara lari berpagar termasuk 4 x 100 meter dan 4 x 400 meter.

### 14.0 Nombor dan Huruf Peserta

- 14.1 Semua peserta termasuk peserta-peserta yang bertanding dalam acara lari berganti-ganti hendaklah menggunakan nombor peserta / abjad yang ditetapkan.
- 14.2 Setiap peserta hendaklah memakai sepasang kain nombor pengenalan (satu di dada dan satu di belakang) dengan disematkan pada keempat-empat sudut kain dengan pin.
- 14.3 Nombor-nombor peserta hendaklah dicapkan dengan jelas dan tidak luntur apabila basah. Nombor-nombor tersebut hendaklah berukuran :

Tinggi Tulisan : 12cm  
Lebar Tulisan : 1.5cm

- 14.4 Warna kain peserta mengikut kategori :

Kategori	Warna Kain
L 18 dan P 18	Putih
L 15 dan P 15	Kuning
L 14 dan P 14	Hijau

### 15.0 Pakaian / Peralatan Peserta

- 15.1 Peserta-peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan menerima hadiah.
- 15.2 Pakaian hendaklah tidak jarang walaupun basah.



15.3 Semua peralatan pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Sekiranya peralatan persendirian perlu digunakan, peserta berkenaan hendaklah menyerahkan kepada Pengurus Teknik untuk disahkan terlebih dahulu sehari sebelum pertandingan dan diambil semula selepas pertandingan.

15.4 Panjang paku kasut (spikes) dibenarkan tidak melebihi 6mm **KECUALI** untuk acara lompat tinggi dan merejam lembing tidak melebihi 9mm.

## 16.0 Penyingkiran Peserta

16.1 Peserta-peserta yang didapati tidak menepati mana-mana peraturan pertandingan ini tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

## 17.0 Hadiah dan Penentuan Peserta Terbaik

17.1 Acara individu hingga 2000 meter – Pertama, Kedua dan Ketiga

17.2 Acara pasukan – 4 pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang Berjaya mendapat tempat pertama hingga ketiga.

17.3 Hadiah peserta terbaik akan diberikan kepada peserta terbaik L18, P18, L15, P15, L14 dan P14 berdasarkan pencapaian mencatat rekod MSS ASEAN, MSSM atau MSS Perak dan sebagainya (mana yang lebih baik pencapaiannya)

17.4 Sekiranya tiada rekod diatasi / dicatatkan, jumlah pungutan pingat emas dalam acara individu akan diambil kira.

17.5 Sekiranya pungutan pingat emas peribadi masih sama, pungutan pingat perak atau gangsa dalam acara individu akan diambil kira

17.6 Sekiranya kedudukan masih sama juga, maka keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta.

## 18.0 Johan Antara Pasukan

18.1 Johan Keseluruhan Sekolah Menengah adalah berdasarkan pasukan sekolah yang memenangi pingat emas terbanyak. Jika seri kiraan perak terbanyak diambil kira. Jika masih seri, kiraan gangsa terbanyak akan diambil kira. Jika masih seri juga maka keputusan dibuat bahawa pasukan yang seri akan diisytiharkan Johan Bersama dan seterusnya.

## 19.0 Bantahan

19.1 Segala bantahan hendaklah dibuat dengan wang mengikut Peraturan 147 KOM, kecuali perkara-perkara berikut :

19.1.1 Jika masalah bantahan berkenaan kelayakan (status) seseorang peserta tidak memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian dibawah 'bantahan' (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada pihak MSS Daerah Manjung.

19.1.2 Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendak dilakukan tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat Separuh Akhir.

19.1.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja)

## 20.0 Kawasan Pertandingan / Peserta

20.1 Hanya pegawai kejohanan yang bertugas dan peserta-peserta yang sedang bertanding sahaja boleh berada di tempat pertandingan.

20.2 Pegawai-pegawai pasukan tidak dibenarkan masuk ke dalam arena pertandingan **KECUALI** diminta berbuat demikian oleh



Pengurus Kejohanan.

20.3 Peserta-peserta dikehendaki berbaris sewaktu masuk dan keluar dari arena pertandingan.

## 21.0 Hak-hak Jawatankuasa Pengelola

21.1 Setiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan tetapi Jawatankuasa Pengelola berhak meminda acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan pengumuman rasmi akan dibuat.

21.2 Jawatankuasa berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan-peraturan ini, Peraturan Am MSSM / MSS Perak dan undang-undang KOM

## 22.0 Hal-hal Lain

22.1 Jawatankuasa Pengelola tidak boleh dipertanggungjawabkan atas kehilangan barang-barang kepunyaan pegawai atau peserta di dalam atau berdekatan dengan arena pertandingan serta atas apa jua kecederaan atau kemalangan pada masa pertandingan dijalankan sungguhpun beberapa persediaan akan diadakan untuk mengelakkan kejadian-kejadian seumpama di atas.

22.2 Selain daripada pegawai-pegawai bertugas, tidak sesiapa pun dibenarkan member sebarang arahan mengenai pertandingan ini ataupun melibatkan diri dalam perjalanan pertandingan.

22.3 Yuran Penyertaan

1. Sekolah Menengah = RM 280.00

22.4 Bayaran hendaklah dibuat atas nama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Manjung